

Headline	Jemaah tak perlu risau status haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	14	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	253 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,688
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,064



ISU TUN M SIFATKAN INDIVIDU DITAJA YAYASAN 1MDB TIDAK DAPAT HAJI MABRUR

Jemaah tak perlu risau status haji

● Mufti Kelantan perjelas setiap ibadah bukan ditentukan seseorang

■ Kuala Lumpur

Jemaah haji yang menunaikan ibadah haji melalui tajaan di bawah Program Khas Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) tidak perlu risau dengan status ibadah mereka.

Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad, berkata jemaah haji perlu yakin bahawa setiap ibadah yang dilakukan itu diterima oleh Allah SWT dan bukannya ditentukan oleh seseorang.

"Mereka (jemaah haji) perlu letak harapan dan berdoa bahawa amalan seperti menunaikan solat, puasa, zakat dan haji ini diterima dan selepas itu mereka harus yakin Allah SWT menerima permintaan kita," katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai ke nyataan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang mendakwa ibadah haji dilakukan

jemaah menerusi tajaan yayasan itu tidak akan mendapat haji mabrur.

Mohamed Shukri turut berkata, program tajaan yayasan itu harus diteruskan bagi membantu golongan tidak berkemampuan untuk menunaikan rukun Islam kelima.

Pecahbelahkan perpaduan
Sementara itu, Mufti Pahang, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman meminta Dr Mahathir tidak menggunakan isu agama dalam berpolitik bagi mencapai cita-cita peribadi kerana bimbang ia boleh memicahbelahkan perpaduan umat Islam.

Katanya, serangan bekas Perdana Menteri terhadap kerajaan menggunakan isu jemaah haji ditaja yayasan itu tidak mendapat haji mabrur adalah sesuatu yang tidak wajar.

Beliau berkata, isu agama tidak seharusnya dipolitikkan kerana ia sensitif, termasuk menyenggung perasaan jemaah haji yang me-

nunaikan rukun Islam kelima itu menerusi program berkenaan.

"Hanya Allah sahaja layak menentukan sama ada ibadah haji seseorang itu mabrur atau sebaliknya."


Timbulkan persepsi negatif

"Dr Mahathir pernah mengkritik PAS kerana menggunakan agama untuk berpolitik, tetapi kini beliau sendiri guna isu agama bagi mendapatkan sokongan dan menimbulkan persepsi negatif terhadap kerajaan," katanya.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu dalam ceramahnya di Alor Setar, baru-baru ini, dilapor menyifatkan orang yang melaksanakan ibadat haji menerusi tajaan Yayasan 1MDB, tidak akan mendapat haji mabrur.

Sebelum ini, Dr Mahathir turut mendakwa Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang manfaatkan jutaan rakyat sebagai rasuah dan haram diterima.

Headline	Jemaah tak perlu risau status haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	14	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	253 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,688
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,064



Serangan bekas PM terhadap kerajaan gunakan isu jemaah haji ditaja yayasan itu tidak mendapat haji mabruk tidak wajar ”

**Mohamad Shukri
Mohamad,
Mufti Kelantan**